



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi

KERANGKA INDIKATOR PEMILIHAN ALIRAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL BAGI MURID TINGKATAN EMPAT

RAHAYU BT JAAPAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SAINS (PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi



ABSTRAK

Objektif kajian ini bertujuan membangun kerangka indikator pemilihan aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) bagi murid tingkatan empat. Pembentukan kerangka pemilihan aliran adalah berdasarkan adaptasi kerangka Theory of Planned Behavior, Ajzen. Kajian ini juga mengenal pasti indikator yang kritikal dalam mempengaruhi murid memilih sesuatu aliran pendidikan dan menilai pengaruh niat memilih aliran PTV terhadap gelagat memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan rawak berkelompok melibatkan 423 orang murid tingkatan empat aliran PTV di enam buah sekolah menengah di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data yang dikumpul daripada sampel dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical versi. 20.0. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi memerihalkan maklumat latar belakang responden, manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian regresi pelbagai yang menganalisis perbezaan indikator dan menguji hipotesis-hipotesis yang dicadangkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa indikator media massa merupakan indikator utama dalam mempengaruhi murid untuk memilih aliran PTV. Dapatkan kajian juga menunjukkan indikator rakan sebaya, diikuti indikator kelayakan akademik dan terakhir ialah indikator laluan kerjaya. Analisis regresi pelbagai juga menunjukkan tiada hubungan signifikan antara indikator minat dan sikap, ibu bapa dan keluarga dan guru dalam pemilihan aliran PTV bagi murid tingkatan empat. Dapatkan kajian menunjukkan lima hipotesis yang diuji adalah signifikan. Meskipun dapatan ini memberikan maklumat berguna bagi merangka program pendidikan dan motivasi terhadap niat dan gelagat pemilihan aliran pendidikan dalam kalangan murid di Malaysia dan seterusnya mengurangkan masalah penurunan jumlah kemasukan dalam bidang Sains, Kejuruteraan/Teknikal dan Matematik, kajian ini adalah terbatas atas beberapa faktor yang memerlukan replikasi dan penambahbaikan dalam kajian lain pada masa akan datang.





THE FRAMEWORK OF SELECTION INDICATOR ON TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION STREAM FOR FORM FOUR STUDENTS

ABSTRACT

The objective of this research is to develop a selection indicator framework of Technical and Vocational Education (TVE) for form four students. The formation of the indicator selections framework is based on the adaptation of the Theory of Planned Behavior by Ajzen. The study also identifies indicators that are critical in influencing the students choice of an educational trends and assess the effects of their intention to select TVE stream towards TVE stream behavior of students' choice in form four academic streaming. This research is conducted using the quantitative approach. The selection of research respondents conducted randomly in groups involving 423 form four students in TVE program form six secondary schools in Negeri Sembilan, Selangor, Malacca and Kuala Lumpur. Data collected were analyzed using IBM Statistical version. 20.0. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis were used to describe the background of the respondents, while statistical inference involves multiple regression tests analyzed the difference indicator and tested the hypotheses proposed. The results showed that the indicator is a leading indicator of the mass media in influencing students to choose the TVE program. The results also showed the second highest indicator is peers influence, followed by academic qualifications and the last is a career path. *Multiple Regression* analysis result shows that there is no significant association between indicators of interest and attitude, parents, family and teachers in the selection of the TVE program for form four students. The results indicated that the five hypotheses tested has been significant. Although these findings provide useful information for designing programs of education and motivation, of the intentions and behavior of the students in the selection of education among students in Malaysia and thus reduce the problem of the decreasing number of entries in the fields of Science, Engineering / Technical and Mathematics, the research was limited to a few factors that need replication and improvement in other research in the future.



KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|---|------------------------------|
| PENGAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTRAK | Error! Bookmark not defined. |
| ABSTRACT | Error! Bookmark not defined. |
| KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | viii |
| SINGKATAN | ix |
| BAB 1 | 24 |
| PENDAHULUAN | 24 |
| 1.1 Pengenalan | 24 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 25 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 33 |
| 1.4 Objektif Kajian | 36 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 37 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 37 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 38 |
| 1.8 Limitasi Kajian | 39 |
| 1.9 Definisi Operasional | 41 |
| 1.9.1 Kerangka Indikator | 41 |
| 1.9.2 Niat Pemilihan Aliran | 44 |
| 1.9.3 Aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional | 44 |
| 1.10 Struktur Kajian | 45 |
| 1.11 Kesimpulan | 45 |
| BAB 2 | 24 |
| TINJAUAN LITERATUR | 24 |
| 2.1 Pengenalan | 24 |
| 2.2 Pembangunan Modal Insan | 25 |
| 2.3 Pendidikan Sains Dan Teknikal Di Malaysia | 31 |



| | | |
|-----------------------|---|-----|
| 2.4 | Teori Pemilihan Aliran Pengajian | 32 |
| 2.5 | Dasar Sains Dan Teknologi Negara Kedua (NSTP II) | 33 |
| 2.6 | Keperluan Tenaga Kerja Masa Hadapan Negara | 37 |
| 2.7 | Trend Jantina Dalam Kejuruteraan | 46 |
| 2.8 | Pembentukan Kerjaya | 48 |
| 2.9 | Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (PTV) | 53 |
| 2.9.1 | Pendidikan Teknikal | 54 |
| 2.9.2 | Pendidikan Vokasional | 56 |
| 2.10 | Kerangka Kajian | 58 |
| 2.11 | Indikator Pemilihan Aliran Pendidikan Teknikal Dan Vokasional | 58 |
| 2.11.1 | Pengaruh Minat dan Sikap | 59 |
| 2.11.2 | Pengaruh Ibu Bapa dan Keluarga | 63 |
| 2.11.3 | Pengaruh Guru | 66 |
| 2.11.4 | Pengaruh Rakan Sebaya | 68 |
| 2.11.5 | Pengaruh Media Massa | 70 |
| 2.11.6 | Pengaruh Laluan Kerjaya | 71 |
| 2.11.7 | Pengaruh Kelayakan Akademik | 73 |
| 2.11.8 | Pengaruh Niat | 74 |
| 2.12 | Kesimpulan | 77 |
| BAB 3 | | 78 |
| METODOLOGI | | 78 |
| 3.1 | Pengenalan | 78 |
| 3.3 | Populasi Dan Persampelan | 82 |
| 3.4 | Lokasi Kajian | 84 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 86 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 89 |
| 3.6.1 | Kesahan Item Soal Selidik | 90 |
| 3.6.2 | Kebolehpercayaan Skala Pengukuran | 93 |
| 3.7 | Kutipan Data | 94 |
| 3.8 | Analisis Data | 96 |
| 3.9 | Kesimpulan | 99 |
| BAB 4 | | 100 |
| DAPATAN KAJIAN | | 100 |
| 4.1 | Pengenalan | 100 |
| 4.2 | Profil Responden | 101 |
| 4.3 | Pengujian Awal: Pematuhan Andaian Regresi Pelbagai | 103 |



| | |
|--|----------------|
| 4.4 Indikator Pemilihan Aliran Ptv Yang Mempengaruhi Pemilihan Aliran Pendidikan Bagi Murid Tingkatan Empat | 107 |
| 4.5 Kesimpulan | 112 |
| BAB 5 | 114 |
| PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN | 114 |
| 5.1 Pengenalan | 114 |
| 5.2 Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian | 117 |
| 5.2.1 Apakah indikator pemilihan aliran PTV yang mempengaruhi pemilihan aliran bagi murid tingkatan empat? | 118 |
| 5.2.2 Sejauh manakah pengaruh niat pemilihan aliran mempengaruhi gelagat memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat ? | 120 |
| 5.2.3 Apakah kerangka indikator dalam pemilihan aliran PTV bagi murid tingkatan empat? | 121 |
| 5.3 Rumusan Dapatan Kajian | 125 |
| 5.4 Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan | 126 |
| 5.5 Kesimpulan | 127 |
| RUJUKAN | 129 |
| LAMPIRAN A: KEPUTUSAN DAPATAN KAJIAN | 146 |
| LAMPIRAN B: BORANG SOAL SELIDIK | 150 |
| 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my | PustakaTBainun |
| LAMPIRAN C: PERMOHONAN PAKAR | 156 |
| BORANG SEMAKAN SOAL SELIDIK | 157 |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka surat |
|--|------------|
| 1.1 Bilangan Enrolmen Perbandingan Negara Dalam Aliran PTV | 27 |
| 1.2 Enrolmen Murid Aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional | 33 |
| 2.1 Kajian-kajian Lepas dan Pemboleh Ubah Bebas | 75 |
| 3.1 Jadual Pecahan Sampel Sekolah | 84 |
| 3.2 Enrolmen Murid Aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional | 84 |
| 3.3 Pembahagian Item | 87 |
| 3.4 Keputusan KMO and Bartlett's Test | 91 |
| 3.5 Keputusan Total Variance Explained | 91 |
| 3.6 Rotated Component Matrix | 92 |
| 3.7 Analisis Kebolehpercayaan Skala Pengukuran | 94 |
| 4.8 Taburan Responden Mengikut Jantina, Kursus dan Jenis Sekolah | 103 |
| 4.9 Keputusan Analisis Skewness dan Kurtosis | 104 |

SENARAI RAJAH

No Rajah**Muka surat**

- | | | |
|-----|--|-----|
| 2.1 | <i>Key Performance Indikator (KPI)</i> Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Pengambilan Murid di Sek. Men. Teknik/Vokasional dan Sek. Men. Keb. bagi Aliran Vokasional dan Mata pelajaran Vokasional dari tahun 2010 -2015..... | 44 |
| 2.2 | Cadangan Kerangka Kajian | 58 |
| 5.1 | Kerangka Indikator Pemilihan Aliran PTV Bagi Murid Tingkatan Empat ... | 124 |

SINGKATAN

| | |
|------|---|
| AMOS | <i>Analysis of Moment Structure</i> |
| EFA | <i>Exploratory Factor Analysis</i> |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KV | Kolej Vokasional |
| PTV | Pendidikan Teknikal dan Vokasional |
| SBP | Sekolah Berasrama Penuh |
| SJK | Sekolah Jenis Kebangsaan |
| SK | Sekolah Kebangsaan |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SPSS | <i>Statistical Package for the Social Science</i> |
| S&T | <i>Science and Technology</i> |
| TVET | <i>Technical, Vocational Education and Training</i> |
| TVE | <i>Technical and Vocational Education</i> |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sistem pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk melahirkan insan dan bangsa yang maju juga cemerlang dalam segala aspek kehidupan. Matlamat ini adalah berlandaskan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menginginkan setiap individu mempunyai wawasan dalam mempertingkatkan mutu pembelajaran dan pendidikan agar dapat membentuk budaya kerja yang cemerlang dalam setiap bidang ilmu yang dipelopori atau diceburi.

Bagi merealisasikan FPK ini, pemilihan aliran pendidikan yang tepat dan sesuai merupakan aspek penting dalam melahirkan individu-individu yang bermotivasi, berbudaya cemerlang, berketerampilan serta berpendidikan dapat dihasilkan. Justeru itu, pemilihan aliran pendidikan merupakan elemen utama dalam memastikan kemenjadian dan meningkatkan kualiti pembelajaran murid di dalam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



bilik darjah. Selepas murid tamat pelajaran di tingkatan tiga, mereka perlu memilih aliran pendidikan dalam bidang yang diminati dan layak dengan keputusan peperiksaan di akhir tingkatan tiga atau menamatkan pelajaran dengan menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan murid menamatkan pengajian sehingga ke tingkatan lima. KPM menawarkan pelbagai aliran jurusan dan pilihan mata pelajaran yang boleh dipilih oleh murid ketika di tingkatan empat. Salah satu aliran yang ditawarkan adalah aliran teknikal dan vokasional.

Oleh itu, pembangunan kerangka indikator pemilihan aliran pendidikan bagi murid tingkatan empat perlu dibentuk kerana ianya masih belum memberangsangkan.

Kerangka ini dibangunkan untuk memudahkan pengenalpastian indikator yang paling



tinggi peratus dalam mempengaruhi murid dalam pemilihan sesuatu aliran pendidikan. Bab ini mengandungi maklumat yang menjadi teras utama kepada pengenalan terhadap kajian berkenaan dengan pembentukan kerangka indikator pemilihan aliran pendidikan teknikal dan vokasional sekolah menengah di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

KPM sentiasa melaksanakan usaha dan program yang berterusan dalam memaju dan memantapkan lagi hasrat untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Pembangunan perindustrian pada masa ini dan hadapan memerlukan tenaga kerja yang mempunyai asas pendidikan yang luas dengan penekanan kepada bidang teknikal, vokasional dan kemahiran. Pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) bermatlamat melahirkan murid dengan penguasaan teori, amali dan





penyelesaian masalah bagi menangani kehidupan sehari-hari serta mengurus alam. Cabang ilmu sains dan teknologi merupakan antara bidang yang paling pesat berkembang dan sangat dinamik. Perkembangan ini amat berkait rapat dengan bidang PTV yang merupakan penyumbang utama untuk menghasilkan teknologi canggih dan pantas bagi menjana ekonomi sesebuah negara. Perancangan untuk melahirkan lebih ramai modal insan dalam bidang PTV yang berkualiti sangat penting dalam usaha menyediakan bekalan tenaga manusia untuk pembangunan negara selaras dengan transformasi negara tahun 2050 (TN50).

Bidang PTV merupakan cabang ilmu yang sesuai untuk semua kumpulan murid lemah, sederhana dan cemerlang. Pemilihan aliran yang tepat dengan kemampuan dan indikator yang mempengaruhi pemilihan aliran murid akan menyumbang kepada kecemerlangan mereka. Namun begitu, jumlah murid yang memilih aliran PTV di Malaysia belum mencapaikan hasrat yang diharapkan oleh negara. Berbanding dengan cabang ilmu yang lain, contohnya aliran sastera lebih diminati untuk dipilih oleh murid tingkatan empat.

Merujuk kepada enrolmen murid dan usaha pengalakkan kemasukan dalam aliran PTV di beberapa buah negara di dunia diringkaskan dalam Jadual 1.1. Berdasarkan dapatan kajian negara luar oleh National Institute of Education Singapore (2012) mendapati, Negara Shanghai dan Finland merupakan negara yang tertinggi memberikan penumpuan dalam PTV dan mengamalkan dasar menggalakkan rakyat dari usia muda mengambil latihan, kursus dan kelas dalam bidang PTV. Manakala Negara Korea Selatan, Jepun dan Singapura turut mengambil langkah menyediakan prasarana, kelengkapan dan latihan yang terkini dan lengkap untuk





pembelajaran dan pengajaran PTV. Secara spesifiknya, langkah beberapa negara ini menunjukkan tindakan konsisten untuk meningkatkan enrolmen murid dalam bidang PTV sedang giat dilaksanakan.

Jadual 1.1

Bilangan Enrolmen Perbandingan Negara Dalam Aliran PTV

| Negara | Usaha Penggalakan Aliran PTV | Peratus Pengambilan Aliran PTV |
|---------------|---|--------------------------------|
| Korea Selatan | Mempromosikan sekolah berdasarkan pendidikan dan latihan vokasional secara giat | 20% |
| Singapura | Menyediakan infrastruktur komprehensif yang canggih dalam bidang teknikal dan vokasional | 10% |
| Bangladesh | Sistem PTV yang tidak lengkap dan tidak mendapat perhatian | 2% |
| Nepal | PTV tidak lengkap dan tidak mendapat perhatian | 3% |
| Jepun | Menyediakan prasarana dan kelengkapan dalam PTV | 15% |
| Shanghai | Kemahiran vokasional dan teknikal dilatih di usia kanak-kanak kerana punca pendapatan utama | 50% |
| Finland | Kanak-kanak umur 10 tahun boleh memilih aliran PTV | 45% |

Sumber: National Institute of Education Singapore (2012)

Tidak dinafikan usaha meningkatkan enrolmen murid sekolah menengah dalam aliran PTV sedang giat dijalankan kerana ianya akan mempengaruhi enrolmen pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pihak pengajian tinggi mengkategorikan aliran PTV di bawah bidang sains & teknikal (S&T). Berdasarkan analisis Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2011-2015, (2011) enrolmen murid dalam bidang





S&T di universiti peringkat ijazah masih rendah serta wujud ketidakseimbangan penyertaan di antara jurusan S&T berbanding jurusan sastera. Isu ketidakseimbangan enrolmen murid dalam bidang S&T dan Sastera akan memberi implikasi kepada tenaga kerja mahir, dan berteknologi yang dihasilkan kerana lebih ramai tenaga kerja dalam bidang sastera akan dikeluarkan oleh pihak universiti. Kekurangan penyertaan murid dalam aliran S&T di universiti peringkat ijazah pertama dan telah menyebabkan bilangan nisbah saintis dan teknologis di negara ini jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara membangun. Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) memberi penekanan untuk meningkatkan bilangan murid lepasan SPM mencebur ke bidang TVET (Malaysia, 2011).



Laporan World Development Indikator (2015), Malaysia hanya mempunyai nisbah 0.93 orang saintis dan jurutera kepada 10,000 penduduk berbanding dengan Jepun yang mempunyai nisbah 28 hingga 30 orang saintis dan jurutera kepada 10,000 penduduk. Justeru itu, untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020, Malaysia perlu meningkatkan pengeluaran sumber manusia profesional sebanyak 30 kali ganda daripada bilangan sedia ada. Dasar penyertaan murid mengikut nisbah 60 peratus bidang sains/teknikal dan 40 peratus bidang sastera mula diwujudkan melalui Laporan Penyata Jawatankuasa Perancang Mata pelajaran Tinggi 1967 (KPM, 2012). Seterusnya Penyata Jawatankuasa Perancang Mata pelajaran Tinggi dalam semakan KPM (2010) pula mengesyorkan supaya unjuran enrolmen murid terutama di peringkat pendidikan menengah atas dan peringkat tinggi mengikut nisbah 60 peratus dalam bidang Sains & Teknologi dan 40 peratus dalam bidang Sastera ditetapkan.





Merujuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) (2013), menunjukkan murid yang mengikuti aliran sains/teknikal di tingkatan empat di bandar dan luar bandar tidak mempunyai kecenderungan untuk memilih sains/teknikal. Ketidakcenderungan murid untuk tidak memilih bidang Sains & Teknikal boleh dirumuskan seperti berikut:

- i) Anggapan awal murid bahawa bidang S&T sukar untuk lulus
- ii) Murid beranggapan bidang S&T merupakan kursus yang membosankan dan susah
- iii) Kursus yang ditawarkan kurang bersesuaian dengan kehendak dan minat mereka
- iv) Bidang S&T adalah terpinggir dari kehidupan masyarakat serta gaji yang bakal diterima tidak setimpal dengan kesusahan semasa
- v) Pihak pentadbir sekolah dan guru kaunseling telah menetapkan aliran tertentu kepada murid lepasan PMR supaya *Key Performance Indikator* (KPI) dan peratus lulus SPM sekolah dapat dicapai
- vi) Kekurangan maklumat, promosi, hebahan dan kempen tentang laluan kerjaya dan keistimewaan yang bakal diperolehi dalam bidang Sains & Teknikal, khususnya aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (PPPM), (2013)

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006), KPM telah memperluas dan memantapkan lagi perlaksanaan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) menggantikan Kemahiran Hidup (KH), Program Asas Vokasional (PAV), Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA)





di Sekolah Menengah Harian. Aliran PTV telah dinyatakan dalam dua fungsi utama iaitu membangunkan modal insan dan merapatkan jurang pendidikan. Dalam membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia, tumpuan utama diberikan kepada pembangunan modal insan berpengalaman, berkemahiran, progresif, bermoral serta beretika tinggi. Ini bagi memastikan mereka mampu bersaing di pasaran kerja yang lebih global. Penekanan aliran PTV di dalam PIPP juga telah ditegaskan dalam teras keempat iaitu untuk merapatkan jurang pendidikan luar bandar. Di bawah fokus yang sama, kadar keciran murid akan dikurangkan melalui pelan tindakan penguatkuasaan pendidikan wajib dan peluasan Mata pelajaran analiran PTV di sekolah menengah harian (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006).

Seterusnya KPM telahpun menggariskan beberapa langkah dalam usaha



memperkasakan PTV di sekolah menengah harian, sekolah menengah teknik dan kolej Vokasional. Menurut Yusoff (2008), antara langkah atau strategi KPM adalah;

- (i) menambah enrolmen vokasional dan aliran Vokasional, (ii) memperkenalkan sekolah asas kemahiran, (iii) memperkasakan kurikulum PTV, (iv) memperkasakan kolej vokasional, (v) memperkasa sekolah teknik, (vi) meningkatkan hubungan industri dan badan professional, (vii) memperkasakan sekolah *enterprise*, dan (viii) menjalankan hubungan dengan Institusi Pengajian Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Swasta (IPTS) dalam dan luar Negara.

Buletin KPM Oktober 2013 melaporkan bahawa Timbalan Perdana Menteri pada masa itu iaitu Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin memaklumkan Malaysia memerlukan pakar dalam bidang Kejuruteraan, Sains, Perubatan dan sektor Teknologi untuk bersaing dengan negara maju yang lain. Kekurangan minat murid sekolah





menengah dalam bidang Sains dan Teknologi akan membantutkan usaha untuk meningkatkan inovasi teknologi bagi menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, telah menggariskan beberapa segmen utama Program Transformasi Ekonomi (ETP). Program ini memberi tumpuan utama kepada empat segmen utama berdasarkan pasaran sedia ada dan potensi pertumbuhan masa depan iaitu;

- i) Pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE)
- ii) Pendidikan asas (rendah dan menengah)
- iii) Pendidikan dan latihan Teknik dan vokasional (TVET)
- iv) Pendidikan tertiarai



Projek permulaan ini akan dijalankan beransur-ansur sehingga tahun 2020 dan dilaksanakan bersama-sama dengan PEMANDU. Kepentingan memilih aliran yang tepat dan bersesuaian dengan minat, kelulusan dan personaliti diri sangat penting dalam menentukan arah tuju kehidupan seseorang individu. Murid mengalami masalah memilih aliran setelah tamat PMR kerana kurang maklumat, ibu bapa tidak memberi dorongan, ibubapa kurang pengetahuan, guru kaunseling tidak berfungsi dengan baik dan kurang pendedahan media massa. Keadaan ini menyebabkan murid kurang motivasi, tersalah memilih aliran dan cepat bosan (Lawal, 2012).

Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan RMKe-9 2006-2010 (2006), menyatakan bahawa matlamat pendidikan Sekolah Menengah Teknik adalah untuk melahirkan golongan murid berkelayakan yang mencukupi dan





cemerlang dalam Mata Pelajaran Matematik dan Sains serta asas kejuruteraan. Murid ini dijangkakan meneruskan pengajian dalam kursus sains dan berdasarkan teknologi diperingkat diploma dan ijazah serta kursus kemahiran lanjutan. Berikutnya kekurangan jurutera dan pekerja mahir yang meruncing, kerajaan telah melancarkan usaha besar-besaran Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (KPM, 2008) iaitu daripada 91 buah sekolah SMT dan SMV ditukar a) 3 buah menjadi Kolej Matrikulasi Teknikal, b) 10 buah kekal sebagai sekolah SMT dan c) 78 buah ditukar menjadi Kolej Vokasional. Transformasi aliran vokasional dan kemahiran dilaksanakan secara berperingkat kerana masih terdapat permintaan terhadap aliran tersebut untuk menempatkan murid yang menempatkan murid yang memperolehi pencapaian rendah dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan terkini Peperiksaan Tingkatan Tiga (PT3).



Laporan Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2015), telah melaporkan enrolmen murid lepasan SPM yang menyertai bidang PTV, iaitu sebanyak 36 peratus pada tahun 2013 berbanding dengan 25 peratus pada tahun 2010. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kerajaan berharap dapat meningkatkan jumlah penyertaan murid dalam bidang PTV. Usaha ini perlu disokong oleh semua pihak bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, globalisasi, ekonomi berdasarkan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global. Anggapan umum, bahawa selama ini bidang yang mencabar khususnya dalam bidang PTV adalah diluar kuasa perempuan dengan alasan mereka tidak boleh menerima tekanan, lemah dan kurang sesuai berbanding dengan kaum lelaki yang lebih agresif. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin membangun kerangka indikator pemilihan aliran PTV bagi murid tingkatan empat. Sehubungan itu, pengkaji





ingin melihat bagaimana indikator minat dan sikap, ibubapa dan keluarga, guru, rakan sebaya, media massa, laluan kerjaya dan kelayakan akademik mempengaruhi murid dalam kemenjadian sebagai teknologis.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan Laporan Perangkaan Pendidikan Malaysia pada tahun 2013 terdapat seramai 152 158 orang murid sekolah dalam aliran PTV di seluruh negara (KPM, 2014). Berbanding dengan perangkaan tahun 2012, iaitu 150 792 orang murid yang memilih aliran PTV di Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama), Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Vokasional. Peningkatan yang perlakuan bilangan murid yang mengikuti aliran PTV.



Secara ringkasnya, bilangan enrolmen murid dalam aliran PTV di Malaysia pada tahun 2011 hingga 2013 dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Enrolmen Murid Aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional

| Jenis Aliran | Tahun 2011 | | Tahun 2012 | | Tahun 2013 | |
|-----------------------|------------|--------|------------|--------|------------|--------|
| | Ting 4 | Ting 5 | Ting 4 | Ting 5 | Ting 4 | Ting 5 |
| Aliran PTV di SMK | 53 459 | 51 070 | 53 340 | 50 938 | 55 887 | 56 512 |
| Aliran PTV di SBP | 1 107 | 1 048 | 985 | 1 082 | 1 044 | 1 271 |
| Aliran PTV di SMK (A) | 373 | 361 | 370 | 354 | 375 | 350 |
| Aliran PTV di SMT | 9 751 | 8 979 | 5 033 | 4 838 | 3 818 | 4 788 |
| Aliran PTV di KV | 13 733 | 12 087 | 16 677 | 17 175 | 12 649 | 15 464 |
| JUMLAH | 151 968 | | 150 792 | | 152 158 | |

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia (2014), KPM





Perangkaan Pendidikan Malaysia KPM (2014), menunjukkan data kemasukan murid di aliran PTV sejak tahun 2011 menunjukkan wujudnya trend peningkatan yang perlahan. Jumlah murid aliran PTV pada tahun 2011 ialah 151 968 orang murid berbanding 150 792 orang murid dalam aliran PTV pada tahun 2012. Dengan itu, sasaran dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), usaha meningkatkan jumlah penyertaan murid dalam bidang PTV akan tercapai.

Kegagalan kaunselor sekolah memenuhi tanggungjawab sebagai perantara dan penasihat dalam menyalurkan maklumat dan kelebihan pemilihan aliran PTV memberikan kesan kepada enrolmen aliran PTV (Kasa & Bakar, 2004). Menurut kajian luar negara oleh Tilak (2002) peranan guru sebagai ibu bapa kedua murid di sekolah, guru berperanan menasihatkan murid memilih aliran pendidikan yang mempunyai laluan kerjaya yang cerah dan terjamin. Kesannya kurang kesedaran dan minat memilih aliran PTV dalam kalangan murid. Keadaan ini lebih menyulitkan kerana terdapat segelintir ibu bapa yang kurang faham dengan sistem peperiksaan Sijil Kemahiran dan Vokasional Malaysia, lantas tidak membentarkan anak jagaan mereka menyambung pelajaran dalam aliran PTV selepas tamat tingkatan tiga. Ibu bapa telah sinonim dengan sistem peperiksaan sediada iaitu, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Mohd Nordin, 2011).

Realiti yang perlu diketengahkan adalah mengenalpasti indikator yang paling dominan mempengaruhi pemilihan aliran PTV dalam murid di tingkatan empat kerana masih kurang diberi perhatian. Kajian yang melihat indikator yang mempengaruhi pemilihan aliran PTV lebih menjurus kepada kepada pengaruh minat, ibu bapa, guru, laluan kerjaya dan kelayakan akademik sahaja sebagaimana yang dijalankan oleh





Azlina (2010); Fouziah Mohd (2012); Kasa dan Bakar (2004); Mohd Nordin (2011); Nuruldin (2011); Noor Zalilah (2011); Nur Adilah (2013) dan Siti Azizah (2010). Namun demikian kajian mengenai indikator pemilihan aliran yang melihat pengaruh media massa dan niat dalam pemilihan aliran PTV di Malaysia adalah amat kurang dan terhad. Jika adapun kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai indikator media massa dan niat menjurus kepada pengaruh tersebut sahaja seperti kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahim dan Sarah Liyana (2011); Hartini (2008); Ishak (2013); Muzlifah (2004); Norhashimah (2010) dan Sidek (2003). Walaubagaimanapun tiada kajian yang terdahulu mengabungkan kelapan-lapan indikator tersebut didalam satu kajian yang sama untuk mengkaji indikator yang signifikan mempengaruhi pemilihan aliran PTV dalam kalangan murid tingkatan empat. Banyak kajian yang mengkaji faktor penyumbang kemerosotan penyertaan murid dalam aliran sains. Namun demikian kurang kajian dalam pembangunan kerangka indikator pemilihan aliran pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia.

Isu untuk meningkatkan minat serta penyertaan murid dalam bidang PTV di peringkat menengah atas masih wujud khususnya di Malaysia. Permasalahan untuk menarik penyertaan murid dalam bidang PTV, bukan lagi satu isu baharu tetapi penyelesaian kepada isu ini masih belum diselesaikan sehingga kini sehingga perkara ini dijadikan agenda utama UNESCO dalam gagasan *Sustainable Development Goal* (SDG) 4 menekankan bidang teknikal dan vokasional sebagai pilihan utama untuk menyambung pelajaran dan aliran PTV memberikan peluang yang sama rata kepada murid untuk menyambung pengajian (KPM, 2016).





Kajian Ramlee (2015) ada melihat bagaimana peranan kecerdasan vokasional (VQ) pada seseorang murid memainkan peranan penting dalam memilih aliran vokasional. Di samping itu, kajian Siti Zafirah (2010), Zarina (2003) dan Norhashimah (2010) hanya melihat indikator yang paling mempengaruhi pemilihan aliran akademik di sekolah menengah. Namun demikian, semua kajian yang lepas di dapatkan belum sepenuhnya mengkaji kerangka indikator pemilihan dalam sesuatu aliran akademik.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan serta penjelasan kepada semua pihak berkepentingan tentang apa yang mereka perlu tahu, apa yang perlu dipraktikan dan persiapan yang perlu dilakukan sebagai panduan memilih aliran pendidikan selepas tamat tingkatan tiga. Hakikatnya membentuk kerangka indikator pemilihan aliran pendidikan teknikal dan vokasional bagi murid tingkatan empat



sebagai peringkat awal pembentukan kerjaya mereka di sekolah menengah. Ini adalah kerana hala tuju menyediakan sumber tenaga negara untuk pasaran kerja pada masa hadapan. Laporan MOSTI (2012) menunjukkan negara memerlukan bilangan sumber tenaga dalam bidang teknikal dan vokasional yang tinggi.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

1.4.1 Menentukan pengaruh indikator pemilihan aliran (pengaruh minat dan sikap, ibu bapa dan keluarga, guru, rakan sebaya, media massa, laluan kerjaya) terhadap niat memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat.





1.4.2 Menilai pengaruh niat memilih aliran PTV terhadap gelagat memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat.

1.4.3 Membentuk kerangka indikator pemilihan aliran Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) bagi murid tingkatan empat.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa persoalan kajian telah dibina. Secara khususnya kajian yang dijalankan ini adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang berikut:

1.5.1 Apakah indikator pemilihan aliran PTV yang mempengaruhi pemilihan aliran



bagi murid tingkatan empat?

1.5.2 Sejauhmanakah pengaruh niat pemilihan aliran mempengaruhi gelagat memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat?

1.5.3 Apakah kerangka indikator dalam pemilihan aliran PTV bagi murid tingkatan empat?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, sebanyak lapan hipotesis telah dibina seperti berikut:

1.6.1 H_1 : Minat dan sikap mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat





- 1.6.2 H₂: Ibu bapa dan keluarga mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.3 H₃: Guru mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.4 H₄: Rakan sebaya mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.5 H₅: Media massa mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.6 H₆: Laluan kerjaya mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.7 H₇: Kelayakan akademik mempengaruhi secara positif dan signifikan akan niat murid dalam memilih aliran PTV bagi murid tingkatan empat
- 1.6.8 H₈: Niat mempengaruhi secara positif pemilihan aliran PTV dalam kalangan murid bagi murid tingkatan empat

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji mengenal pasti beberapa kepentingan dalam kajian ini yang dapat menjadi rujukan kepada keperluan pendidikan. Kajian ini diharapkan dapat memberi faedah dan maklumat-maklumat yang berguna kepada pihak-pihak tertentu seperti berikut:

- 1.7.1 Pihak pengurusan sekolah menengah rendah dapat merancangkan program yang bersesuaian dengan perkembangan potensi murid.

